

# Iran, Malaysia pertingkatkan dagangan

BH- 27/6/2007

IRAN mensasar untuk meningkatkan nilai hubungan ekonomi dan dagangan dengan Malaysia kepada AS\$4 bilion (RM13.6 bilion) menjelang 2010, didorong pelbagai potensi usaha sama yang terjalin antara kedua-dua negara.

Timbalan Menteri Perhubungan Luar Ekonominya, Dr Alireza Sheikh Attar, berkata kerjasama ekonomi antara Iran dan Malaysia mencecah nilai lebih AS\$1 bilion (RM3.4 bilion) tahun lalu dengan pertumbuhan 40 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, AS\$610 juta (RM2.07 bilion) adalah eksport Iran ke Malaysia, manakala AS\$462 juta (RM1.57 bilion) eksport Malaysia ke negara terbabit.

“Sejak beberapa tahun lalu, kami berusaha menyediakan kemudahan terbaik untuk meningkatkan lagi kerjasama dengan Malaysia, terutama dalam bidang baru.

“Sektor awam atau swasta kami pula berusaha mengenal pasti sektor kerjasama baru yang berpotensi dimajukan serta menyediakan asas mantap untuk menjayakannya,” katanya pada seminar mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Iran di Kuala Lumpur, semalam.

Seminar anjuran Kedutaan Iran dengan kerjasama Lembaga Kemaajuan Perindustrian Malaysia (Mida) itu dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi.

**FAKTA NOMBOR**

Hubungan dagangan Iran-Malaysia

**RM13.6b**

Sasaran menjelang 2010

---

**RM3.4b**

Nilai dicapai pada 2006

Ia bermatlamat untuk memberi gambaran lebih jelas mengenai situasi ekonomi di Iran bagi meningkatkan lagi pemahaman terhadap negara itu, selain mempromosikan hubungan dua halanya dengan Malaysia.

Iran dan Malaysia kini mempunyai kerjasama baik dalam bidang seperti pembinaan, minyak dan gas, industri automotif dan pelancongan.

Alireza berkata, Iran berminat untuk meningkatkan lagi hubungan dagangan dan pelaburan dengan Malaysia dalam semua bidang, manakala bank awam serta swasta negara itu juga sudah bersedia untuk menjalin kerjasama dengan bank utama di Malaysia bagi menyokong hasrat itu.